

Polisi

Tokio Marine TenangCare

Setelah Penerimaan Polisi Anda

Sila baca **Polisi** dan **Jadual** dan sekiranya sebarang butiran **Jadual Polisi Anda** salah, atau perlu diubah, sila maklumkan kepada **Kami** serta-merta.

Sila baca **Polisi** dan **Jadual Anda** dengan teliti untuk memastikan **Anda** memahami:

- apa yang dilindungi
- apa yang tidak dilindungi

Jadual Kandungan:

| | | Muka surat |
|-------------------------------------------|-------|-----------------------|
| 1 Apakah Yang Terkandung Dalam Polisi Ini | | 3 |
| 2 Definisi | | 3-4 |
| 3 Jumlah Diinsuranskan dan Manfaat | | 4-6 |
| 4 Kewajipan Anda Untuk Memaklumkan Kami | | 6-7 |
| 5 Pengecualian | | 7 |
| 6 Syarat-syarat | | 8-10 |
| 7 Prosedur Aduan | | 10 |
| 8 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 | | 11 |
| 8 Memo / Klausula / Pengendorsan | | 11-13 |

1. APAKAH YANG TERKANDUNG DALAM POLISI INI

Insurans tidak melindungi anda daripada semua kejadian yang mungkin berlaku.

Tajuk tidak membentuk sebahagian daripada dasar **Polisi**.

Polisi ini dikeluarkan berdasarkan pembayaran **Premium** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** dan menurut jawapan yang diberikan dalam Borang Cadangan **Anda** (atau apabila **Anda** memohon untuk insurans ini) dan sebarang pendedahan lain yang dibuat oleh **Anda** antara masa penyerahan Borang Cadangan **Anda** (atau apabila **Anda** memohon untuk insurans ini) dan masa kontrak ini dipersetujui. Jawapan dan segala pendedahan yang diberikan oleh **Anda** akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans di antara **Anda** dan **Kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan **Anda** atau mana-mana pendedahan yang **Anda** berikan, hanya remedi yang diperuntukkan di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan digunakan.

Polisi ini menggunakan terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui di antara **Anda** dan **Kami**.

Polisi ini menerangkan apa yang diinsuranskan untuk **Anda** seperti yang tertera di dalam **Jadual** dan keadaan di mana **Anda** dilindungi dan tidak dilindungi.

Setengah perkataan dan istilah telah dicetak **tebal** kerana ia mempunyai maksud yang khusus di dalam **Polisi**. **Anda** boleh merujuk maksudnya di dalam Definisi.

2. DEFINISI

Setengah perkataan dan istilah dalam **Polisi** ini mempunyai maksud khusus yang diberikan di bawah. Setiap perkataan dicetak tebal di mana ia tertera.

Demam Denggi - bermaksud

Penyakit berjangkit akut yang disebabkan oleh arbovirus dan disebarkan kepada manusia oleh nyamuk Aedes.

Serologi Denggi - bermaksud

Ujian serologi untuk antibodi khusus virus denggi bagi jenis IgG dan IgM.

Pengendorsan - bermaksud

Perubahan bertulis terhadap terma, syarat dan had **Polisi** ini.

Tempoh Berfikir - bermaksud

Tempoh masa yang diperlukan di mana Pihak Diinsuranskan boleh memeriksa polisi yang baru dikeluarkan dan memulangkannya.

Hospital - bermaksud

Institusi berdaftar yang ditubuhkan dengan tujuan memberi rawatan dan penjagaan pesakit yang sakit atau cedera yang membayar penginapan, dan mempunyai kemudahan untuk:

- i) Perkhidmatan kejururawatan 24 jam oleh jururawat berdaftar dan berkelulusan;
- ii) Pembedahan diagnostik dan pembedahan besar; dan
- iii) Di bawah penyeliaan **Pakar Perubatan**.

Hospital secara khususnya BUKAN:

- i) Berfungsi sebagai klinik;
- ii) Rumah pemulihan, penjagaan atau rehat;
- iii) Pusat pemulihan penagih alkohol atau penagih dadah;
- iv) Rumah untuk orang tua atau orang kurang upaya; atau
- v) Pusat/Rumah kuarantin.

Kemasukan Hospital - bermaksud

Kemasukan ke **Hospital** sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk rawatan yang **Diperlukan Dari Segi Perubatan** untuk Hilang Upaya yang dilindungi atas saranan **Pakar Perubatan**. Seorang pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam sekiranya pesakit tidak tinggal secara fizikal di **Hospital** sepanjang tempoh kemasukan **Hospital**, dan selama dua puluh (24) jam minimum. **Kami** berhak untuk menentukan sama ada **Kemasukan Hospital** untuk rawatan yang **Diperlukan Dari Segi Perubatan** melalui perundingan dengan Doktor Perubatan yang **Kami** Lantik.

Orang yang Diinsuranskan - bermaksud

Orang di mana **Polisi** berkuatkuasa terhadapnya.

Diperlukan Dari Segi Perubatan - bermaksud

Perkhidmatan perubatan yang: -

- i) konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan kebiasaan untuk Hilang Upaya yang dilindungi; dan
- ii) berpandukan piawaian amalan perubatan yang baik, konsisten dengan standard rawatan perubatan profesional semasa, dan faedah perubatan yang terbukti; dan
- iii) bukan untuk kemudahan **Orang yang Diinsuranskan** atau **Pakar Perubatan**, dan secara munasabah tidak dibenarkan keluar dari **Hospital** (jika dimasukkan sebagai pesakit dalam); dan
- iv) bukan bersifat eksperimental, siasatan atau penyelidikan, bersifat pencegahan atau penyaringan, teknologi/prosedur perubatan, yang belum terbukti berkesan, berdasarkan amalan perubatan yang diiktiraf, atau yang belum disetujui oleh badan yang diiktiraf di Malaysia; dan
- v) yang mana cajnya adalah wajar, munasabah dan kebiasaan bagi Hilang Upaya yang dilindungi; dan
- vi) untuk memberi rawatan yang berkaitan secara langsung dengan Hilang Upaya yang dilindungi.

Pengamal Perubatan - bermaksud

Pengamal Perubatan yang berkelayakan, selain daripada diri **Anda**, yang dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Perubatan kompeten negara tersebut di mana rawatan disediakan dan rawatan tersebut diberikan, ia dijalankan dalam skop pelesenan dan latihannya.

Tempoh Insurans - bermaksud

Tempoh **Anda** diinsuranskan.

Hilang Upaya Menyeluruh Kekal - bermaksud

Hilang upaya menyeluruh yang menghalang **Anda** daripada menjalankan (mana-mana dan setiap jenis) perniagaan atau pekerjaan **Anda** atau jika **Anda** tidak mempunyai perniagaan atau pekerjaan, ia menghalang daripada menjalankan tugas biasa **Anda**. Hilang upaya sedemikian perlu berlarutan sekurang-kurangnya selama 12 bulan kalendar dan pada tamatnya tempoh, tiada harapan untuk bertambah baik.

Pakar Perubatan- bermaksud

Pengamal Perubatan berdaftar yang berkelayakan dan dilesenkan untuk mengamalkan perubatan barat dan dalam memberikan rawatan tersebut, mengamalkannya dalam skop pelesenan dan latihannya di Malaysia, dan telah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia untuk mengamalkan perubatan, tetapi tidak termasuk doktor, **Pakar Perubatan** atau pakar bedah yang merupakan orang yang membuat tuntutan itu sendiri.

Polisi - bermaksud

Kontrak Insurans **Anda** yang terdiri daripada dasar **Polisi**, **Jadual** dan sebarang **Pengendorsan**.

Premium - bermaksud

Apa-apa jumlah yang perlu **Anda** bayar kepada **Kami** di bawah **Polisi**.

Jadual - bermaksud

Jadual Polisi di mana manfaat dan jumlah Diinsuranskan dinyatakan.

Kami - bermaksud

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad

Anda - bermaksud

Orang yang dinamakan sebagai Pihak Diinsuranskan di dalam **Jadual**. Sekiranya **Anda** menguatkuasakan **Polisi** ini ke atas nyawa **Anda**, perkataan "**Orang yang Diinsuranskan**" akan merujuk kepada **Anda**.

3. JUMLAH DIINSURANSKAN DAN MANFAAT

Sekiranya semasa **Tempoh Insurans**, **Orang yang Diinsuranskan** mengalami kecederaan badan disebabkan oleh kemalangan, yang mana kecederaannya itu berlaku sepenuhnya dan bebas daripada sebab lain yang mengakibatkan kematian atau hilang upaya **Orang yang Diinsuranskan** atau memerlukan rawatan perubatan dan/atau pembedahan seperti yang ditakrifkan selepas ini, tertakluk kepada terma, peruntukan, pengecualian dan syarat dan/atau diendorkan dalam **Polisi** ini, **Kami** akan membayar kepada jumlah wang seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** Perlindungan kepada **Anda** atau kepada benefisiari yang dinamakan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** sekiranya berlaku kematian terhadap **Anda** atau kepada wakil diri sah **Anda** sekiranya tiada Benefisiari dicalonkan.

Perlindungan di bawah **Polisi** ini akan terbatal dan tamat secara automatik jika jumlah penuh di bawah manfaat Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal atau Elaun Perkabungan (kematian akibat **Demam Denggi**) telah dibayar di bawah **Polisi**.

Polisi ini memberikan perlindungan dua puluh empat (24) jam di Malaysia termasuk kematian atau kecederaan anggota yang disebabkan oleh:

- Kebakaran, bencana alam seperti gempa bumi, ribut angin, banjir, taufan, kilat

- Mogok, Rusuhan dan Kekacauan Awam dengan syarat bahawa **Orang yang Diinsuranskan** tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti tersebut
- Rampasan sama ada pesawat, kapal atau sebarang pengangkutan awam
- Perjalanan melalui udara sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang dalam penerbangan berjadual atau tidak berjadual
- Bermotosikal sebagai penunggang atau pembonceng (kecuali ketika terlibat dalam perlumbaan, penetapan masa, pertandingan kelajuan, ujian kebolehpercayaan), dengan syarat duluan liabiliti bahawa **Orang yang Diinsuranskan** memiliki lesen yang sah kecuali beliau adalah pembonceng pada waktu kemalangan
- Lemas akibat kemalangan
- Pembunuhan atau serangan tanpa provokasi
- Gigitan serangga, gigitan ular dan gigitan haiwan yang berbahaya (tidak termasuk penyakit yang disebarkan oleh serangga tersebut)
- Kehilangan dan pendedahan kepada elemen-elemen
- Keracunan makanan dan/atau minuman
- Aktiviti sukan amatir (kecuali yang dinyatakan di bawah Pengecualian **Polisi**)

1. KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** Perlindungan sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan di Malaysia dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kemalangan.

2. HILANG UPAYA KEKAL

Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** Perlindungan mengikut peratusan seperti yang dinyatakan dalam Skala Pampasan Hilang Upaya Kekal sekiranya dalam **Tempoh Insurans**, **Orang yang Diinsuranskan** mengalami kecederaan akibat kemalangan di Malaysia yang disebabkan secara langsung dan bebas dari mana-mana sebab lain lalu menyebabkan hilang upaya seperti yang dinyatakan dalam skala pampasan di bawah dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan.

| JADUAL PAMPASAN HILANG UPAYA KEKAL | |
|--------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------|
| Skala Pampasan | Peratusan Jumlah yang Diinsuranskan dalam Jadual Perlindungan |
| Kehilangan dua anggota | 100% |
| Kehilangan kedua-dua tangan, atau semua jari dan kedua-dua ibu jari | 100% |
| Kehilangan penglihatan kedua-dua mata | 100% |
| Lumpuh sepenuhnya | 100% |
| Kecederaan yang menyebabkan terlantar di katil secara kekal | 100% |
| Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan Hilang Upaya Menyeluruh Kekal | 100% |
| Kehilangan lengan di bahu | 100% |
| Kehilangan lengan di antara bahu dan siku | 100% |
| Kehilangan lengan di siku | 100% |
| Kehilangan lengan di antara siku dan pergelangan tangan | 100% |
| Kehilangan tangan di pergelangan tangan | 100% |
| Kehilangan kaki | 100% |
| - di pinggul | 100% |
| - di antara lutut dan pinggul | 100% |
| - di bawah lutut | 100% |
| Mata: Kehilangan | 100% |
| - seluruh mata | 100% |
| - seluruh penglihatan sebelah mata | 100% |
| Kehilangan pendengaran secara kekal di kedua-dua telinga dan pertuturan | 100% |

Kehilangan fungsi anggota secara kekal akan dianggap sebagai kehilangan anggota.

Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal tidak boleh dibayar secara agregat di bawah **Polisi** ini.

3. ELAUN PERKABUNGAN (KEMATIAN AKIBAT DEMAM DENGGI)

Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** Perlindungan sebagai elaun perkabungan setelah penyerahan dokumen yang diperlukan sekiranya berlaku kematian terhadap **Orang yang Diinsuranskan** disebabkan **Demam Denggi** di Malaysia.

Semua tuntutan mesti dibuktikan dan disokong dengan salinan keputusan Ujian **Serologi Denggi** yang disahkan oleh **Pakar Perubatan** sebagai positif dan mesti berlaku selepas tempoh menunggu selama 14 hari selepas perlindungan insurans dimulakan.

4. ELAUN TUNAI KEMASUKAN HOSPITAL (AKIBAT KEMALANGAN)

Kami akan membayar elaun tunai harian Hospital seperti yang dinyatakan dalam Jadual Perlindungan sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memerlukan Kemasukan Hospital akibat kemalangan di Malaysia, sehingga maksimum lima puluh (50) hari.

Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada syarat berikut:

- a) Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh kemalangan;
- b) Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital lebih daripada dua puluh empat (24) jam; dan
- c) Tempoh Kemasukan Hospital berturut-turut disebabkan punca yang sama akan dianggap sebagai satu kemalangan.

5. ELAUN DEMAM DENGGI

Kami akan membayar jumlah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Perlindungan jika dalam tempoh insurans, Orang Yang Diinsuranskan didiagnosis di Malaysia oleh Pakar Perubatan bahawa dia telah menghidap Demam Denggi.

Semua tuntutan mesti dibuktikan dan disokong dengan salinan keputusan Ujian Serologi Denggi yang disahkan oleh Pakar Perubatan sebagai positif dan mesti berlaku selepas tempoh menunggu selama 14 hari selepas perlindungan insurans dimulakan.

4. KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMAKLUMKAN KAMI

1. Komunikasi

Semua komunikasi kepada Kami mestilah secara bertulis. Pengendorsan terhadap kontrak Polisi ini mesti dikeluarkan dan ditandatangani oleh Kami.

2. Kewajipan Pendedahan sebelum Insurans ini diluluskan

- i) Di mana Anda telah memohon untuk Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah berjaga-jaga untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan dalam Borang Cadangan (atau ketika Anda memohon untuk insurans ini) contohnya Anda perlu menjawab semua soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah dalam menjawab soalan boleh menyebabkan penafian kontrak Insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda mengikut remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda ketahui yang relevan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Anda memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

- ii) Sekiranya Anda tidak memberikan maklumat ini dengan sepenuhnya dan jujur, insurans ini mungkin tidak sah atau Polisi ini mungkin tidak melindungi Anda sepenuhnya.

3. Kewajipan Pendedahan semasa Tempoh Insurans

Semasa Tempoh Insurans ini, Anda diminta untuk memberitahu Kami dengan serta-merta mengenai sebarang perubahan dalam pekerjaan, tugas kerja, aktiviti sukan atau maklumat relevan Anda yang boleh meningkatkan risiko. Kami mungkin:

- i) memerlukan pembayaran Premium tambahan daripada Anda untuk peningkatan risiko atau
- ii) membuat perubahan terhadap terma dan syarat Polisi ini atau
- iii) meneruskan terma, syarat dan Premium Polisi tanpa perubahan.

Peningkatan risiko Anda hanya akan dilindungi sekiranya dipersetujui oleh Kami secara bertulis.

4. Pembaharuan

- i) Mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan (FSA) 2013, Anda diingatkan akan kewajipan Anda untuk memaklumkan Kami mengenai sebarang perubahan terhadap pekerjaan Anda dan maklumat risiko lain untuk semakan Kami. Anda boleh memuat turun borang cadangan dari laman web Kami www.tokiomarine.com dan menyerahkan borang yang lengkap diisi dengan perubahan tersebut kepada Kami. Sekiranya Anda memerlukan sebarang bantuan, sila hubungi Kami di 03-2783 8383.

- ii) Sekiranya terdapat perubahan dalam butiran yang diserahkan untuk pengunderaitan **Polisi** ini atau sekiranya ada tuntutan yang timbul dalam **Polisi** sebelum **Polisi** ini diperbaharui, **Kami** berhak untuk mengubah terma **Polisi** ini, melaraskan **Premium**, menolak pembaharuan atau menghentikan **Polisi** ini.

5. PENGECCUALIAN

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan/hilang upaya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berkaitan dengan salah satu perkara berikut: -

1. perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti operasi perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, dahagi, kekecohan awam yang hampir atau membawa kepada kebangkitan awam, kebangkitan tentera, pemberontakan, penentangan, revolusi, rampasan kuasa atau tentera, pemerintahan tentera, penyitaan atau nasionalisasi atau pemerolehan atau pemusnahan atau kerosakan harta benda oleh atau di bawah perintah mana-mana Kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan;
2. hilang akal, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman), kecederaan diri yang disengajakan atau sebarang percubaannya;
3. sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkait AIDS (ARC) atau Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).
Walau bagaimanapun, penyakit yang dinamakan secara khusus yang disebut di bawah Elaun Perkabungan & Elaun **Demam Denggi** boleh dilindungi di bawah keadaan tertentu seperti yang diperincikan di dalamnya;
4. kelahiran anak, keguguran, kehamilan atau komplikasi daripadanya;
5. pembunuhan atau serangan tanpa provokasi;
6. semasa melakukan perjalanan di dalam pesawat sebagai anggota kru, kecuali hanya sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang;
7. semasa melakukan atau cuba melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang atau jenayah;
8. seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti udara termasuk terjun payung terjun dan geluncur angin, aktiviti bawah laut yang melebihi kedalaman lima puluh (50) meter, pendakian gunung yang melibatkan penggunaan tali atau panduan mekanikal;
9.
 - a) radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau daripada sisa nuklear akibat pembakaran bahan api nuklear, atau
 - b) bahan letupan toksik radioaktif atau bahan-bahan berbahaya lain daripada mana-mana pemasangan, reaktor atau pengumpulan nuklear atau komponen, atau
 - c) apa-apa senjata perang yang menggunakan pembelahan atom atau nuklear dan/atau peleburan atau lain-lain tindak balas atau daya atau bahan radioaktif, atau radioaktif, toksik, letupan atau bahan pencemaran lain yang berbahaya dari sebarang bahan radioaktif, atau
 - d) sebarang bahan nuklear, pemasangan nuklear atau risiko tenaga nuklear yang lain
10. menunggang/memandu tanpa lesen yang sah;
11. kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia ada;
12. Pekerjaan (hanya semasa bertugas):-
(kecuali Elaun Perkabungan (kematian akibat **Demam Denggi**) & manfaat Elaun **Demam Denggi**)
 - a) Pelumba motor profesional / peserta ujian kelajuan
 - b) Perkhidmatan atau Operasi Tentera Laut, Tentera Darat atau Tentera Udara
 - c) Pasukan / atlet Sukan Profesional
 - d) Pelombong arang batu
 - e) Pembinaan dan/atau penyelenggaraan terowong, jambatan, empangan dan kerja bawah air menggunakan bahan letupan
 - f) Penggerudian &/atau penapisan bahan api cecair atau gas
 - g) Pengilangan, penyimpanan, pengisian, pemecahan dan pengangkutan bunga api, peluru, fius, kartrij, serbuk, nitrogliserin atau sebarang bahan letupan

6. SYARAT

1. Kewajipan untuk mematuhi Syarat

Kami hanya akan menanggung liabiliti untuk membuat pembayaran di bawah **Polisi** ini sekiranya **Anda** sentiasa mematuhi terma, peruntukan, syarat dan **Pengendorsan Polisi** ini.

2. Salah Gambaran / Penipuan

Sekiranya sebarang tuntutan terbukti palsu setelah pembayaran dibuat, **Kami** akan menuntut semua pembayaran yang dibuat berkenaan dengan tuntutan palsu tersebut. **Kami** juga berhak untuk mengambil tindakan lanjut, termasuk tindakan undang-undang terhadap pihak yang menuntut dalam kes tersebut.

3. Makluman, Prosedur dan Penyelesaian Tuntutan

Apabila berlakunya kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah **Polisi** ini, **Anda** perlu memberi notis kepada **Kami** dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah berlakunya kemalangan itu dengan butiran penuh kemalangan dan kecederaan tersebut serta mendapatkan dan bertindak berdasarkan nasihat perubatan atau pembedahan yang betul secepat mungkin.

Anda (atau wakil diri sah **Orang yang Diinsuranskan**) hendaklah dengan perbelanjaan **Anda** memberikan kepada **Kami** semua sijil, maklumat dan bukti dalam bentuk dan sifat seperti yang dikehendaki oleh **Kami** dan **Orang yang Diinsuranskan** hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan bagi pihak **Kami** pada bila-bila masa yang dikehendaki. Sekiranya berlaku kematian terhadap **Orang yang Diinsuranskan**, **Kami** berhak untuk menjalankan pemeriksaan bedah siasat dengan perbelanjaan **Kami** sendiri dan notis hendaklah diberikan kepada **Kami** sewajarnya sebelum pengebumian atau kremasi yang menyatakan masa dan tempat sebarang inkues.

Kematian **Orang yang Diinsuranskan** hendaklah ditentukan oleh Sijil Kematian Rasmi, atau melalui Perintah Mahkamah yang mengandaikan kematiannya dalam kes kehilangan berikutan kemalangan atau kehilangan kapal atau pesawat udara.

4. Penamaan

Orang yang dinamakan oleh pemilik **Polisi** untuk menerima manfaat kematian yang dibayar di bawah **Polisi** ini.

- Menurut Perenggan 5 (1) **Jadual 10** dari Akta Kewangan 2013, penamaan yang dibuat oleh pemilik **Polisi** bukan beragama Islam akan mewujudkan tabung amanah untuk penama wang **Polisi**, iaitu manfaat kematian yang harus dibayar setelah kematian pemilik **Polisi**, sekiranya: -
 - (a) penama ialah suami, isteri atau anak beliau : atau
 - (b) penama ialah ibu atau bapa beliau (jika tiada suami, isteri atau anak yang hidup ketika penamaan dibuat).
- Penama pemilik **Polisi** beragama Islam setelah menerima wang **Polisi** akan mengagihkan wang **Polisi** berpandukan undang-undang Islam.

5. Penamatan Insurans

(a) Penamatan oleh **Anda**

Anda boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memaklumkan **Kami** secara bertulis melalui e-mel atau surat. **Premium** yang telah dibayar tidak akan dipulangkan dan semua perlindungan akan berhenti berkuat kuasa dengan serta-merta.

Walau bagaimanapun, jika **Anda** ingin membatalkan **Polisi** dalam tempoh 15 hari dari **Tempoh Berfikir** dari tarikh kuat kuasa perlindungan **Anda**, **Kami** akan memulangkan RM5 kepada anda dan memulangkan RM70 kepada pentadbir berkaitan yang dilantik untuk mengurus Baucar Perlindungan Tenang (BPT) dengan syarat tiada tuntutan dibuat dan **Anda** dibenarkan menggunakan semula Baucar Perlindungan Tenang (BPT) sebelum 31 Disember 2022 untuk membeli produk Perlindungan Tenang yang lain.

Jika **Anda** telah membayar **Premium** menggunakan tunai atau cara alternatif selain daripada Baucar Perlindungan Tenang dan **Anda** ingin membatalkan **Polisi** dalam tempoh 15 hari dari **Tempoh Berfikir** dari tarikh kuat kuasa perlindungan **Anda**, **Kami** akan memulangkan keseluruhan **Premium** yang **Anda** telah bayar dengan syarat tiada tuntutan dibuat.

Tiada pembatalan jika **Anda** telah membuat tuntutan dalam 15 hari Tempoh Berfikir.

(b) Penamatan oleh **Kami**

Kami boleh memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada **Anda** di alamat terakhir **Anda** yang diketahui. Penamatan tersebut akan berkuat kuasa tujuh (7) hari selepas tarikh notis tersebut. Walau bagaimanapun, tiada pemulangan **Premium** dilakukan setelah **Polisi** dikeluarkan.

- (c) Penamatan Disebabkan Had Usia
Polisi ini akan luput/tamat pada tarikh ulang tahun **Polisi** setelah hari jadi ke-lapan puluh (70) **Orang yang Diinsuranskan**.

6. Pembayaran Premium

- (a) Jika **Orang Yang Diinsuranskan** menggunakan Baucar Perlindungan Tenang RM75, **Orang Yang Diinsuranskan** perlu membayar RM5 tunai atau setara tunai sebagai premium, baki premium RM70 akan ditolak secara automatik daripada baucar.
- (b) Perlindungan insurans untuk **Orang yang Diinsuranskan** di bawah **Polisi** ini adalah untuk tempoh satu (1) tahun dan **Premium** perlu dibayar setiap tahun sebelum bermulanya perlindungan.
- (c) Jika pembayaran dibuat secara tunai, kad kredit atau cek, **Anda** mesti membayar **Premium** sebelum bermulanya perlindungan.
- (d) Pastikan **Anda** menerima resit untuk **Premium** yang dibayar.
- (e) Hubungi **Kami** jika **Anda** belum menerima **Polisi** anda sebulan selepas pembelian.

7. Jaminan & Kelayakan Usia

Orang yang Diinsuranskan mestilah warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia, berumur dari lapan belas (18) tahun hingga tujuh puluh (70) tahun.

8. Timbang Tara

Semua pertelingkahan yang timbul daripada **Polisi** ini akan dirujuk kepada Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak yang bertelingkah. Sekiranya tidak ada kesepakatan mengenai satu Penimbang Tara, maka dua Penimbang Tara akan dilantik secara bertulis, satu oleh setiap pihak, dalam satu bulan kalendar dari pertelingkahan tersebut. Sekiranya berlaku perselisihan antara Penimbang Tara, Pengadil harus dilantik oleh Penimbang Tara secara bertulis sebelum mendengar rujukan. Segala tindakan guaman **Anda** hadapkan terhadap **Kami** atas **Polisi** dengan apa jua sebab hanya boleh dibuat selepas Award oleh Penimbang Tara atau para Penimbang Tara dan/atau Pengadil.

9. Pampasan

Pampasan berkenaan dengan manfaat yang disebutkan di sini akan dibayar hanya apabila tuntutan telah terbukti berdasarkan kepuasan **Kami**.

10. Pemindaan

Kami berhak untuk mengubah **Premium** dan meminda terma dan syarat **Polisi** ini dan perubahan tersebut terhadap **Polisi** hanya sah jika dibenarkan oleh **Kami** dan diendorskan di sini.

11. Undang-undang Sah

Polisi ini dan semua hak, kewajipan dan liabiliti yang timbul di sini, harus ditafsirkan dan ditentukan dan dikuatkuasakan berdasarkan undang-undang Mahkamah Malaysia yang memiliki bidang kuasa eksklusif di sini.

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti akan difailkan untuk memulihkan **Polisi** ini sebelum berakhirnya enam puluh (60) hari setelah bukti bertulis kerugian telah diberikan seperti yang diperlukan oleh **Polisi** ini.

12. Perubahan Risiko

Anda akan memberi notis bertulis serta-merta kepada **Kami** mengenai perubahan alamat, pekerjaan, atau sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan yang dialami oleh **Orang yang Diinsuranskan**. Tiada perubahan dalam terma **Polisi** ini atau **Pengendorsan** ke atasnya dianggap sah kecuali yang ia ditandatangani oleh wakil sah **Kami**.

13. Syarat Duluan Liabiliti

Pematuhan dan pemenuhan terma, syarat dan **Pengendorsan Polisi** ini oleh **Anda** di bawah **Polisi** ini selagi ia berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh **Anda** atau oleh mana-mana Penuntut di bawah **Polisi** ini dan kebenaran pernyataan dan jawapan dalam cadangan tersebut adalah syarat yang mendahului kewajipan **Kami** untuk membuat pembayaran di bawah **Polisi** ini.

14. Mata Wang dan Kadar Tukaran

Semua **Premium** perlu dibayar dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya **Orang yang Diinsuranskan** dimasukkan ke **Hospital** dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia dan menerima bil dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, **Kami** akan mengganti rugi dalam Ringgit Malaysia berdasarkan kadar tukaran mata wang dalam pasaran pertukaran wang asing pada tarikh **Orang yang Diinsuranskan** keluar dari **Hospital**.

15. Salah Nyata atau Ketinggalan Maklumat Penting

Sekiranya cadangan atau deklarasi **Anda** tidak benar dalam apa hal pun atau jika ada maklumat penting yang mempengaruhi risiko dinyatakan secara tidak benar di sini atau ditinggalkan daripadanya, atau jika Insurans ini atau pembaharuannya diperoleh melalui penyataan yang salah, gambaran yang salah atau tidak didedahkan, atau jika tuntutan yang dibuat adalah penipuan atau dilebih-lebihkan, atau jika ada deklarasi atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokongnya, maka dalam mana-mana kes ini, **Polisi** ini akan terbatal.

16. Tiada Penyerahan Hak

Melainkan jika dinyatakan secara khusus oleh **Pengendorsan** ke atas **Polisi** ini, **Kami** berhak memperlakukan **Anda** sebagai pemilik mutlak **Polisi** ini dan tidak terikat untuk mengiktiraf tuntutan atau kepentingan lain dalam **Polisi** ini dan penerimaan wang tuntutan oleh **Anda** (atau wakil diri sah **Orang yang Diinsuranskan**) sahaja akan melepaskannya.

17. Notis

Setiap notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat oleh **Anda** (atau wakil diri sah **Orang yang Diinsuranskan**) hendaklah disampaikan secara bertulis kepada **Kami**.

18. Syarat Penarikan Portfolio

Kami berhak untuk membatalkan portfolio secara keseluruhan sekiranya ia memutuskan untuk menghentikan pengunderaitan produk insurans ini. Pembatalan portfolio secara keseluruhan akan dimaklumkan secara bertulis kepada Pihak Diinsuranskan dan **Kami** akan meneruskan semua **Polisi** sehingga tamat tempoh perlindungan dalam portfolio.

7. PROSEDUR ADUAN

Kami yakin **Anda** berhak mendapat layanan yang berbudi bahasa, adil dan cepat. Sekiranya perkhidmatan **Kami** tidak memenuhi jangkaan **Anda**, sila hubungi **Kami** melalui cara di bawah dan berikan Nombor **Polisi**/Nombor Tuntutan dan Nama **Orang Yang Diinsuranskan**:

1. Pertama sekali, dengan jabatan atau pekerja **Kami** yang berurusan dengan **Anda** tentang cara **Anda** mahu masalah itu diselesaikan.
2. Kedua, jika masalah itu tidak dapat diselesaikan berdasarkan kepuasan **Anda**, **Anda** boleh membuat aduan bertulis rasmi kepada Unit Aduan di:

Telefon : 1800-88-0812
E-mel : letusknow@tokiomarine.com.my
Laman web : www.tokiomarine.com
Alamat : Tingkat 20, Menara Hap Seng 3, Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur

Kami akan menerima aduan tersebut dan memaklumkan **Anda** mengenai perkembangannya. **Kami** akan melakukan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah ini hingga kepuasan **Anda** dalam masa empat belas (14) hari atau tempoh masa yang diperlukan, dalam kes-kes yang kompleks, yang akan **Kami** maklumkan kepada **Anda**.

3. Ketiga, jika **Anda** tidak berpuas hati dengan keputusan **Kami**, **Anda** boleh merujuk kes tersebut kepada OMBUDSMAN UNTUK KHIDMAT KEWANGAN atau BANK NEGARA MALAYSIA melalui BNMTLELINK atau BNMLINK:

i. OMBUDSMAN UNTUK KHIDMAT KEWANGAN
(sebelum ini dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
No. Tel: 03-2272 2811
No. Faks : 03-2272 1577
Waktu perniagaan: Isnin hingga Jumaat (8.30 pagi hingga 5.30 petang)
Laman web: www.ofs.org.my

ii. Telefon BNMTLELINK OR
BNMLINK : 1-300-88-5465 (LINK)
Faks : 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my
Alamat: BNMLINK
4th Floor, Podium Bangunan AICB
No. 10, Jalan Dato'Onn
50480 Kuala Lumpur

8. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Dengan memberikan data peribadi, **Anda** memberi **Kami** kebenaran untuk kegunaannya seperti yang dijelaskan di bawah:-

- I. Untuk memproses data peribadi **Anda** dengan tujuan untuk memasuki kontrak Insurans.
- II. **Anda** bersetuju dan membenarkan **Kami** menyimpan data dan berkongsi data dengan penyedia perkhidmatan **Kami**, iaitu,
 - a. Adjuster berlesen berdaftar,
 - b. Peguamcara, dan mana-mana badan profesional lain dengan tujuan untuk memenuhi Kontrak Insurans,
 - c. Penanggung insurans dan Penanggung insurans semula,
 - d. ISM Insurance Services Malaysia Berhad.
- III. Subjek Data (pencadang) harus diberitahu tentang haknya untuk mendapatkan akses dan meminta pembetulan data peribadinya.

Notis :

Sesuai dengan peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, **Anda** boleh menghubungi Perantara Insurans **Anda** atau menghubungi **Kami** untuk butiran data peribadi **Anda**. Maklumat tersebut hanya akan diberikan selepas pengesahan. **Anda** boleh mengemas kini/memperbetulkan data dengan memberikannya kepada **Kami** secara bertulis.

9. MEMO/KLAUSA/PENGENDORSAN

KLAUSA/PENGENDORSAN BERIKUT ADALAH DILAMPIRKAN DAN MEMBENTUK SEBAHAGIAN POLISI

KLAUSA KEHILANGAN

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa jika mayat **Orang yang Diinsuranskan** tidak dijumpai dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas tarikh kehilangan, kenderaan yang dinaikinya terhempas, tenggelam atau remuk pada masa kemalangan yang dilindungi oleh **Polisi** ini dan **Kami** telah meneliti semua bukti yang ada dan tidak mempunyai sebab untuk menganggap perkara lain selain daripada kemalangan telah berlaku dan Mahkamah Undang-undang telah mengumumkan bahawa **Orang yang Diinsuranskan** telah hilang dan dianggap mati secara sah, maka kehilangan itu hendaklah dianggap sebagai tuntutan kematian di bawah **Polisi** ini.

Jika pada bila-bila masa selepas pembayaran telah dibuat oleh **Kami**, **Orang yang Diinsuranskan** didapati masih hidup, apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh **Kami** dalam pembayaran tuntutan perlu dikembalikan kepada **Kami**.

Selainnya tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian **Polisi** ini.

KLAUSA PENDEDAHAN

Walau apa pun yang sebaliknya yang terkandung di dalam ini, adalah dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa jika disebabkan oleh kemalangan yang dilindungi oleh **Polisi** ini, **Orang yang Diinsuranskan** tidak dapat mengelak daripada terdedah kepada unsur-unsur semula jadi dan akibat pendedahan tersebut mengalami kerugian seperti yang dinyatakan di dalam ini **Polisi**, kerugian khusus tersebut akan dilindungi di bawah **Polisi** ini.

Sekiranya berlaku kematian terhadap **Orang yang Diinsuranskan** yang disebabkan oleh pendedahan kepada unsur-unsur, kematian ini akan dilindungi di bawah **Polisi** ini dengan syarat bahawa kematian ini adalah tertakluk kepada Badan Siasatan Kehakiman yang terbentuk lengkap yang mendapati **Orang yang Diinsuranskan** mati disebabkan oleh pendedahan akibat daripada kemalangan.

Selainnya tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian **Polisi** ini.

KLAUSA RAMPASAN

Tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian **Polisi**, dengan ini dipersetujui bahawa istilah "Kemalangan" akan dianggap merangkumi Perampasan atau sebarang percubaan dan pendedahan yang timbul daripadanya.

Perlindungan di atas akan berterusan sementara **Orang yang Diinsuranskan** berada di bawah kawalan orang atau rakan mereka yang melakukan Rampasan dan semasa perjalanan terus ke tempat tinggal dan/atau destinasi asalnya untuk tempoh tidak melebihi satu bulan dari tarikh Rampasan.

Rampasan bermaksud rampasan yang tidak sah atau kawalan yang menyalahi undang-undang terhadap pesawat atau pengangkutan lain (serta krunya) yang dinaiki oleh **Orang yang Diinsuranskan** sebagai penumpang.

Sekiranya **Kami** mendakwa bahawa oleh sebab perlindungan ini, sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak

dilindungi oleh **Polisi** ini, beban untuk membuktikan sebaliknya ditanggung oleh **Orang yang Diinsuranskan** atau wakil diri sah beliau.

PENGENDORSAN LANJUTAN KEGANASAN

Walau apa pun yang sebaliknya yang terkandung di dalam ini, dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini dilanjutkan untuk melindungi kematian dan /atau hilang upaya kekal yang dialami oleh **Orang yang Diinsuranskan** akibat atau disebabkan oleh atau melalui apa-apa Tindakan Keganasan seperti yang ditakrifkan dan dengan syarat bahawa: -

- A) **Polisi** ini tidak melindungi sebarang kematian dan/atau hilang upaya kekal, yang dalam apa cara pun disebabkan oleh atau disumbangkan oleh kerugian, kerosakan atau liabiliti Radioaktiviti yang melibatkan: pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau bahan buangan nuklear; atau radioaktif, toksik dan mudah letup atau bahan berbahaya lain daripada peralatan nuklear, pencemaran kimia dan biologi sama ada timbul secara langsung atau tidak langsung, melainkan disebabkan oleh Tindakan Keganasan.
- B) **Orang yang Diinsuranskan** tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti tersebut.

Dalam apa-apa tindakan, tindakan guaman atau prosiding lain yang mana **Kami** mendakwa bahawa oleh sebab peruntukan **Pengendorsan** ini, apa-apa tuntutan tidak dilindungi oleh **Polisi** ini, beban untuk membuktikan yang sebaliknya adalah pada **Orang yang Diinsuranskan**.

Sekiranya mana-mana bahagian **Pengendorsan** ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, bahagian selebihnya akan terus berkuatkuasa penuh.

Dengan ini diisytiharkan bahawa liabiliti maksimum **Kami** untuk setiap **Orang yang Diinsuranskan** untuk lanjutan ini tidak akan melebihi jumlah yang diinsuranskan untuk setiap nyawa atau jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** atau sehingga had kenderaan, yang mana lebih rendah.

Dengan ini diisytiharkan juga bahawa had liabiliti agregat maksimum **Kami** untuk setiap kejadian adalah (jumlah seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**) atau sehingga had kenderaan, yang mana lebih rendah. Sekiranya jumlah yang dibayar dalam mana-mana satu kejadian melebihi had agregat maksimum, **Kami** akan menyelesaikan tuntutan bagi setiap **Orang yang Diinsuranskan** secara berkadar.

Tindakan Keganasan bermaksud tindakan termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi, kerajaan, atas tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan yang sepertinya termasuk niat untuk mempengaruhi kerajaan dan/atau untuk menimbulkan rasa takut di kalangan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam.

Tertakluk sebaliknya dengan terma, pengecualian dan syarat **Polisi** ini.

KLAUSA HAD KENDERAAN

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya sebilangan **Orang yang Diinsuranskan** menaiki satu pesawat yang sama atau pengangkutan darat atau air, liabiliti maksimum **Kami** bagi setiap kenderaan akan dihadkan kepada RM3,000,000 atau hingga jumlah keseluruhan yang diinsuranskan, yang mana lebih rendah. Sekiranya jumlah agregat yang dibayar melebihi jumlah tersebut, **Kami** akan menyelesaikan tuntutan **Orang Yang Diinsuranskan** secara berkadar.

PENGECUALIAN PENYAKIT BERJANGKIT

Walau apa pun peruntukan yang sebaliknya yang terkandung di dalam **Polisi** ini, **Kami** bersetuju untuk mengecualikan sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk, secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, disumbangkan oleh, akibat daripada, timbul daripada, atau berkaitan dengan Penyakit Berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada sebenar atau anggapan) Penyakit Berjangkit tanpa mengira apa-apa sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau dalam sebarang urutan lain kepadanya.

Definisi

Penyakit Berjangkit bermaksud sebarang penyakit yang boleh disebarkan melalui apa-apa bahan atau agen daripada mana-mana organisma kepada organisma lain di mana:

- i) bahan atau agen itu termasuk, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau sebarang variasi daripadanya, sama ada hidup atau tidak, dan
- ii) kaedah penyebaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, penyebaran melalui udara, penyebaran melalui cecair badan, penyebaran dari atau ke mana-mana permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
- iii) penyakit, bahan atau agen boleh menyebabkan atau mengancam kemerosotan kepada kesihatan manusia atau kebajikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta.

KLAUSA HAD DAN PENGECUALIAN SEKATAN

Tiada penanggung insurans akan dianggap menyediakan perlindungan dan tiada penanggung insurans bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau membayar apa-apa manfaat di bawah ini sehingga takat peruntukan perlindungan itu, pembayaran tuntutan itu atau peruntukan manfaat itu akan mendedahkan penanggung insurans kepada apa-apa sekatan, larangan atau pembatasan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Kesatuan Eropah atau sekatan ekonomi atau perdagangan, undang-undang atau peraturan mana-mana bidang kuasa yang berkenaan dengan penanggung insurans itu.

Tokio Marine TenangCare

| No | Jadual Perlindungan | Jumlah yang Diinsuranskan |
|----|---------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
| 1 | Kematian Akibat Kemalangan | RM50,000 |
| 2 | Hilang Upaya Kekal | RM50,000 |
| 3 | Elaun Perkabungan (kematian akibat demam denggi) | RM50,000 |
| 4 | Elaun Tunai Kemasukan Hospital (akibat kemasukan) Sehingga 50 hari / RM5,000 setahun polisi | RM100 sehari |
| 5 | Elaun Demam Denggi | RM1,000 setahun polisi |